

# MEDAN BAHASA

## Perkembangan Bahasa Melayu dalam Negara Merdeka

“Bahasa Melayu bukanlah bahasa yang baru, bahkan satu bahasa yang asal dan sudah memang ada dari mula-mula sejarah Semenanjung Tanah Melayu dan telah menjadi bahasa perantaraan di gugusan pulau-pulau Melayu terlebih dahulu daripada kurun Masihi yang kesepuluh”. Demikian antara lain ucapan Dato’ Abdul Razak bin Dato’ Husin, Menteri Pelajaran Persekutuan, dalam majlis ceramah bahasa, di dewan UMNO Malaya Kuala Lumpur pada 13 Februari yang lalu.

“Pada masa kejatuhan Melaka dalam tahun 1511”, kata Dato’ Abdul Razak, “Bahasa Melayu memang telah digunakan oleh saudagar-saudagar dari luar negeri sebagai bahasa perantaraan. Begitu juga pengembang-pengembang agama Islam dan Kristian telah memakai bahasa Melayu bagi mendakwahkan ajaran mereka.

“Bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar dan bahasa rasmi di dalam pentadbiran dan perniagaan. Jadi pada zaman itu, bahasa Melayu hidup dan subur serta mempunyai sifat bahasa kebnagsaan dan bahasa rasmi.”

Tatkala menegaskan bahawa penjajahan Baratlah yang telah menghalangi perkembangan bahasa Melayu, beliau berkata:

“Dalam zaman penjajahan, bahasa Melayu tidak mendapat galakkan dan layanan yang sempurna. Semenjak kejatuhan Melaka hingga sekarang boleh dikatakan bahasa Melayu tidak mendapat perubahan dan kemajuan yang besar.”

Dato’ Abdul Razak telah menyeru semua golongan rakyat memberikan kerjasama untuk memperluas bahasa Melayu supaya dapat digunakan dalam segala lapangan bagi menghadapi zaman Malaya merdeka. “Kedaulatan negara

tak dapat tidak akan membawa kedaulatan bahasa.” kata beliau lagi.

A. Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid, Menteri Besar Selangor telah membuka majlis ini dengan menggambarkan keindahan bahasa Melayu dalam beberapa buah pantun dan gurindam.

Majlis ceramah bahasa Melayu ini ialah anjuran “Badan Ceramah Bahasa” Selangor, yang baru sahaja tertubuh dan didukung oleh badan-badan bahasa, kebudayaan dan persatuan wartawan Melayu Tanah Melayu.

\* \* \*

## DEWAN BAHASA

*“Dewan Bahasa dan Pustaka mulai berkerja”, bukan mula berkerja” seperti yang tercantum dalam tajuk siaran dewan bahasa di muka 13 keluaran ini. Harap dibetulkan.*